

## Matahari buat amal kebajikan di Banda Aceh

KOSMO KOMUNITI 11 MEI 2016 M/S 50

**SUMBANGAN.** Persatuan Wanita Universiti Malaysia Pahang (UMP) yang digelar Matahari telah menghulurkan sumbangan serta kepakaran memasang lampu solar, pam air, mengecat bangunan dan memasang penapis air di Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda, Banda Aceh, Indonesia baru-baru ini.

Program tersebut membolehkan penyertaan daripada mahasiswa UMP, Universitas Syiah Kuala (Unsyiah), Universitas Teuku Umar, ahli-ahli Matahari dan 11 wakil media Pahang dalam misi Keamanan UMP

yang berlangsung selama 4 hari. Penasihat Matahari, Datin Fazia Ali berkata, sumbangan itu antara lain sebagai tanda prihatin warga UMP terhadap kebangkitan semula penduduk Aceh yang hidup serba kekurangan akibat bencana tsunami 12 tahun lalu.

**MAHASISWA UMP, Unsyiah) dan ahli Matahari bergambar bersama anak-anak yatim selepas majlis gotong-royong di Rumah Kebajikan Dayah Nurul Huda, Banda Aceh baru-baru ini.**

